

Ibupejabat UMNO sediakan k-kerja Langkah awasi pemilihan pucuk pimpinan

KUALA LUMPUR, Rabu— Ibupejabat UMNO Malaysia sedang merangka kertaskerja bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang berlaku di dalam mesyuarat pemilihan pucuk pimpinan UMNO peringkat Bahagian dan Cawangan tahun depan.

Kertaskerja yang sedang disiapkan sendiri oleh Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar itu menumpukan kepada bidang tugas dan tanggungjawab pihak tertentu menyelesaikan segera sesuatu masalah yang timbul dalam mesyuarat tersebut.

Datuk Haji Mustafa ketika ditemui hari ini memberitahu, cadangan-cadangan yang akan terkandung di dalam kertaskerja itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman Ibupejabat parti di masa-masa lalu.

Hantar wakil

Katanya, Ibupejabat parti akan mencadangkan supaya Badan-badan Perhubungan UMNO Negeri menghantar wakilnya bagi mengawasi dan memerhati mesyuarat perwakilan peringkat Bahagian tahun depan.

Manakala pihak Bahagian pula, tambah beliau, akan diminta menghantar wakilnya mengawasi atau memerhati perjalanan mesyuarat agung UMNO peringkat cawangan masing-masing hingga selesai.

Senator Datuk Haji Mustafa menegaskan, langkah-langkah tersebut dibuat memandangkan perkembangan politik semasa dan mesyuarat pemilihan pucuk pimpinan Bahagian diadakan pula menjelang pilihanraya umum.

Menurut beliau, sekiranya ada sebarang selisih faham dan rasa tidak puas hati daripada mana-mana pihak, ia boleh diselesaikan serta merta oleh wakil Perhubungan Negeri dan Bahagian yang bertindak sebagai pemerhati di dalam mesyuarat sesuatu Bahagian dan Cawangan.

Senator Datuk Haji Mustafa memberitahu lagi, beliau telah berunding dengan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam semalam mengenai perkara tersebut dan kemungkinan-kemungkinan yang dijangka timbul di dalam mesyuarat perwakilan Bahagian tahun depan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Peraturan

Katanya, kertaskerja itu akan dikemukakan kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Biro Politik UMNO untuk mendapat kelulusan sebelum dilaksanakan.

Kepada satu pertanyaan, Datuk Haji Mustafa bersetuju cadangan-cadangan tersebut lebih merupakan sebagai satu peraturan.

Menurut beliau, perkara itu tidak tercatat sama ada di dalam Perlembagaan UMNO atau Peraturan Mesyuarat Parti tersebut.

Bagaimanapun, tegas beliau, Perlembagaan parti memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi (MT) membuat sesuatu peraturan.